

SOALAN NO. 67**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD BAIHAKI
BIN ATIQULLAH [KUBANG KERIAN]**

TARIKH : 15 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Baihaki Bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah asas pertimbangan utama yang digunakan oleh pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam menentukan sempadan kawasan pilihan raya yang baru ini.

147

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan kajian semula persempadanan bahagian-bahagian pilihan raya Persekutuan dan Negeri adalah berlandaskan kepada prinsip-prinsip dan tatacara persempadanan yang telah ditetapkan di bawah Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diperuntukkan di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Berdasarkan peruntukan yang ditetapkan oleh Perlembagaan, prinsip-prinsip persempadanan adalah seperti berikut:-

- i. Kemudahan diadakan bagi pemilih-pemilih mengundi semasa pilihan raya dan bahagian pilihan raya tidak merentasi sempadan negeri;
- ii. Mengambil kira kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian pilihan raya itu untuk mengadakan jentera yang perlu bagi pendaftaran dan pengundian;
- iii. Jumlah pemilih yang seimbang bagi setiap bahagian pilihan raya dalam sesuatu Negeri kecuali apabila terdapat kesukaran perhubungan dan pengangkutan yang dihadapi di luar bandar, luas bahagian pilihan raya patut diberi pertimbangan; dan
- iv. Memelihara hubungan tempatan.

Sekian, terima kasih.